

24/07/2002

Mesyuarat MT tidak bincang pelantikan TPM

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Tertinggi (MT) Umno yang akan bermesyuarat esok, tidak akan membincangkan soal pelantikan Timbalan Perdana Menteri selepas tempoh peralihan kepemimpinan negara Oktober tahun depan.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, mesyuarat esok seperti biasa akan hanya membincangkan perihal parti.

Abdullah yang dinamakan sebagai pengganti Perdana Menteri selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara, berkata beliau akan mengumumkan bakal timbalannya apabila masanya tiba.

"Tunggulah, nanti saya umum... sabarlah," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke Suruhanjaya Sekuriti (SC) di sini, hari ini.

Dalam lawatan kira-kira tiga jam, Timbalan Perdana Menteri diberi taklimat mengenai fungsi dan operasi SC.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata beliau berpuas hati dengan perjalanan SC yang telah memainkan fungsi penting dalam pembangunan negara.

Mengenai pendatang haram di Sabah yang dikatakan memiliki Mykad (Kad Pengenalan Pelbagai Guna), Abdullah berkata:

"Perkara itu sudah diketahui polis yang sedang menyiasat dengan rapi. Kita akan mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab mengeluarkan Mykad kepada orang yang tidak berhak mendapatnya.

"Sama ada kita akan mengenakan ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri), bergantung kepada polis yang akan mengesyorkan apakah tindakan paling sesuai dikenakan terhadap mereka yang terbabit," katanya.

Abdullah diminta mengulas masalah pengeluaran Mykad kepada pendatang asing dan haram secara berleluasa, terutama di Sabah.

Selain didalangi sindiket, pengeluaran Mykad juga dikatakan membabitkan orang dalam sama ada kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) atau anggota keselamatan lain.

Setakat ini, polis menemui 34 keping Mykad di daerah Keningau pada Mei lalu dan sekeping lagi di Pulau Gaya minggu lalu.

Abdullah berkata, setakat ini pihaknya tidak dapat memastikan sama ada orang dalam terbabit dalam pengeluaran Mykad kepada pendatang asing sehingga siasatan polis selesai.

Sehingga 1999, JPN sudah menahan kira-kira 20 kakitangannya mengikut ISA kerana terbabit dalam kegiatan pemalsuan dokumen perjalanan termasuk kad pengenalan.